

09/09/2002

Swasta perlu kurangkan caj rawatan (HL)

Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta hospital swasta di negara ini mengurangkan kos bayaran rawatan serta pembedahan pesakit miskin yang menggunakan perkhidmatan hospital berkenaan.

Perdana Menteri berkata, bagi membolehkan golongan itu menikmati perkhidmatan di hospital swasta, pakar perubatan pula disarankan melupakan caj yang dikenakan kepada pesakit.

Katanya, ini berikutan laporan kos perubatan di hospital swasta terlalu tinggi sehingga pesakit yang ingin mendapatkan rawatan di hospital itu terpaksa meminta derma daripada orang ramai bagi membolehkan mereka menjalani rawatan dan pembedahan.

"Selama ini masyarakat negara ini sentiasa bermurah hati menderma, jadi tidak ada salahnya jika hospital swasta serta pakar perubatan membuat perkara yang sama.

"Saya tidak begitu yakin bahawa kosnya begitu tinggi. Kalau orang ramai sanggup menderma, hospital swasta juga perlu derma.

"Malah pakar perubatan juga boleh melupakan soal bayaran yang selalunya mereka kenakan. Saya percaya, mereka juga bersikap prihatin seperti orang lain," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada majlis Makan Malam Institut Jantung Negara (IJN) sempena ulang tahun ke-10 institut itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, malam ini.

Turut hadir,, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, Pengerusi Lembaga Pengarah IJN, Tan Sri Mohamed Khatib Abdul Hamid dan bekas Pengerusi Lembaga Pengarah IJN, Tan Sri Abdul Hamid Pawanteh.

Sebelum ini pelbagai pihak menggesa kerajaan mengambil tindakan bagi mengawal kos perubatan di hospital swasta yang didakwa mengenakan bayaran terlalu tinggi sehingga menyukarkan golongan berpendapatan rendah mendapatkan rawatan.

Gesaan orang ramai itu berikutan kematian Sofea Qhairunnisa Ali, 15 bulan, 27 Ogos lalu sebelum sempat menjalani pembedahan pemindahan hati di Pusat Perubatan Subang Jaya (SJMC). Sofea memerlukan RM265,000 bagi menjalani pembedahan itu.

Masyarakat yang prihatin menderma sejak tiga bulan lalu bagi membolehkan Sofea menjalani pembedahan itu.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyampaikan hadiah kepada Jabatan Makmal dan Darah IJN yang memenangi anugerah kategori Projek Peningkatan Perkhidmatan Teknikal dalam anugerah The Asian Hospital Management Award 2002 di Bangkok, Thailand, Jumaat lalu.

Dr Mahathiri juga mempertikaikan mengapa kos rawatan perubatan atau pembedahan di hospital swasta boleh mencecah antara RM200,000 hingga RM300,000.

"Apabila kita melihat jumlah yang diperlukan bagi pembedahan tertentu, kita kadang-kadang bertanya kepada diri kita sendiri siapa yang mendapat wang itu. Adakah pihak hospital, pakar, adakah kos pembedahan atau perubatan yang tinggi?" katanya.

Beliau berkata, hospital swasta perlu munasabah dan mengurangkan bayaran, termasuk melepaskan yuran dan sebarang keuntungan yang mereka mungkin peroleh daripada pembedahan.

Pada masa sama, Perdana Menteri menasihatkan pesakit supaya tidak terlalu memilih untuk mendapatkan rawatan hanya di hospital swasta.

Katanya, kerajaan memperuntukkan jumlah yang besar bagi meningkatkan kemudahan serta kualiti perkhidmatan hospital kerajaan di seluruh negara dari semasa ke semasa.